

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017  
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>							
<b>JABATAN PENTADBIRAN</b>							
1	Perkhidmatan kaunter Utama Kementerian Hal Ehwal Ugama		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan Perkhidmatan Kaunter Utama Kementerian Hal Ehwal Ugama</li> <li>Menjadikan kaunter utama selaku <i>one stop agency</i> yang akan berkhidmat kepada pelanggan</li> <li>Menyediakan bahan informasi, buku-buku terbitan, brosur dan maklumat yang diperlukan oleh pelanggan</li> <li>Pengagihan borang-borang, bahan maklumat dan aktiviti kementerian</li> <li>Tindak balas yang cepat dan cekap dalam memberikan maklumat berhubung dengan pertanyaan, isu atau masalah yang dikemukakan samada melalui telefon, bersuamuka atau melalui peti cadangan.</li> </ul>	Projek ini adalah peningkatan penyampaian perkhidmatan awam dengan penyediaan kaunter utama yang akan menjadi tempat rujukan pelanggan KHEU dalam mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat. Perkhidmatan One Stop Agency yang dirancang bakal menempatkan bahab-bahan yang dipusatkan di kaunter ini termasuk pengagihan borang-borang, bahan maklumat atau aktiviti kementerian.	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini belum dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan 2 orang focal person (petugas kaunter) yang diperlukan belum dapat diwujudkan</li> <li>Bahan-bahan, maklumat serta borang-borang Kementerian untuk menjadikannya sebagai <i>one stop agency</i> belum tersedia</li> </ul>	Satu kaunter Kementerian sudah siap dibina, akan tetapi untuk menjadikannya sebagai <i>one stop agency</i> pada masa ini masih dalam proses pelaksanaan.
2	Tahsin Qiraatil Quran bagi Pegawai dan Kakitangan yang berpejabat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu pegawai dan kakitangan yang lemah dalam membaca Al-Quran</li> <li>Mencari model/kaedah terbaik yang dapat dijadikan <i>benchmark</i> Kementerian/Jabatan dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam</li> <li>Mewujudkan satu tatacara dan kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Quran yang dapat digunakan dalam mengatasi masalah pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang lemah dalam membaca Al-Quran</li> <li>Pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang lemah dalam pembacaan Al-Quran dapat memperbaiki bacaan Al-Quran dan menyertai pmbudayaan membaca Al-Quran (PMQ) harian di pejabat masing-masing.</li> </ul>	Program Tahsin Qiraatil Quran sebelum ini dikenali sebagai Program Celik Al-Quran. Ianya merupakan program memperbaiki dan mencantikkan bacaan Al-Quran. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memulakan program ini sejak tahun 2012 sehingga tahun 2015 dan dilaksanakan semula pada tahun 2017. Pelaksanaan program ini adalah untuk memastikan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama boleh menyertai Program Pembudayaan Membaca Al-Quran sebelum memulakan tugas di jabatan / bahagian masing-masing.	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan kewangan bagi pembayaran elau tenaga pengajar Program Tahsin Al-Quran. Pada masa ini pembayaran elau tenaga pengajar adalah menggunakan dana ihsan/amal jariah daripada orang awam memandangkan tiada peruntukan kewangan yang dikhususkan bagi program ini.</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memberigakan program Tahsin Al-Quran di kementerian-kementerian dan sektor swasta.</li> </ul>	
<b>BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN</b>							
3	Rancangan Strategik KHEU 2015-2019		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan perancangan strategik sangat penting bagi setiap organisasi agar arah tuju perancangan dan pengurusan sumber-sumber utama itu akan lebih teratur, berkesan dan jelas</li> <li>Dapat menetapkan jangka masa sasaran perancangan dalam tempoh 5 tahun.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 ini adalah bagi tempoh 2015-2019</li> <li>Pemantauan bagi pelaksanaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 dijalankan oleh Unit Rancangan Strategik, Seksyen Kajian dan Perancangan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan</li> </ul>	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Belum ada satu database yang khas dibuat untuk membuat perkiraan secara automatik</li> <li>Perkiraan pencapaian KPI dibuat secara manual disebabkan KPI yang tidak selaras dimana unit perkiraan adalah berubah-ubah diantara satu KPI dengan KPI yang lain. Contohnya KPI menggunakan 'orang' atau 'buah'</li> <li>Kepelbagaian bidang dan peranan KHEU menyebabkan kepelbagaian KPI</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meneruskan perkiraan secara manual selagi pencapaian dapat diperkirakan</li> </ul>	
4	Buku Dasar-Dasar Kementerian Hal Ehwal Ugama		✓	Sebagai bahan panduan dan rujukan bagi semua peringkat warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar lebih fokus dan terarah untuk mencapai visi dan misi Kementerian hal Ehwal Ugama melalui pelaksanaan lapan (8) Strategi dasar.	Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan mengambil inisiatif dan buat pertama kali menerbitkan buku dasar-dasar Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan menyusun semula dasar-dasar yang telah dikemaskini dan ini adalah projek bagi penambahbaikan terhadap dasar-dasar yang sedia ada dan diolah mengikut format yang bersesuaian.	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perubahan yang dibuat dalam pengemaskinian dasar mengikut perkembangan semasa</li> <li>Jadual bagi penyelarasan dengan jabatan-jabatan sentiasa berubah.</li> </ul>	

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
5	Sistem i-hub		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengumpul, menyusun dan mensejajarkan maklumat/data/informasi yang berkaitan dengan pegawai &amp; kakitangan, kajian &amp; perkembangan, prasarana dan pencapaian setiap jabatan dan bahagian.</li> <li>Menggunakan maklumat, data, informasi berkenaan bagi tujuan penganalisan dan kajian untuk membantu/menyarankan ke arah peningkatan dan pembetulan yang lebih berkesan</li> <li>Sebagai platform pemantauan perjalanan kerja dan prestasi jabatan dan bahagian pemantauan berterusan Rancangan Strategik KHEU, dan wawasan Brunei 2035</li> <li>Mengolah semula dan menyediakan semua maklumat/data/informasi yang relevan jika diperlukan</li> <li>Menjadi alternatif rujukan yang mudah dan cepat</li> </ul>	<p><i>Information hub (i-hub)</i> ialah sebuah pusat (<i>portal database</i>) yang mengumpul, menyusun dan menyimpan maklumat, data, aktiviti, perancangan serta <i>networking</i> jabatan dan bahagian dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maklumat dan data terkini setiap jabatan dan bahagian ini kemudiannya akan diolah mengikut kesesuaian seperti dijadikan statistik, rajah atau carta yang berinformasi yang cuma dapat diakses oleh YB Menteri hingga ke Timbalan Setiausaha Tetap sahaja.</p>		
<b>BAHAGIAN PENDAKWAAN SYAR'IE</b>								
6	Pemerhatian dan Kajian terhadap pendakwaan jenayah bagi kes-kes tertentu di Pejabat Peguam Negara		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat penelitian dan pemerhatian terhadap pendakwaan jenayah di Mahkamah Sivil bagi kes-kes yang serupa atau hampir serupa didalam panel code dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 seperti <i>extortion, theft, robbery, rape, unnatural offences, murder, causing hurt</i>, dan seumpamanya yang bersesuaian.</li> <li>Membuat kajian terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan permulaan pendakwaan, persediaan, percabaran, prosedur dan isu berbangkit semasa dalam percabaran, hal-hal berbangkit dalam pasca percabaran dan beberapa isu undang-undang yang relevan dengan pendakwaan jenayah yang dikendalikan oleh Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara.</li> </ul>	<p>Pemerhatian dan kajian ini berbentuk umum dan terbuka, tidak seperti penempatan kerja. Pegawai yang ditugaskan hanya akan membuat pemerhatian keatas percabaran beberapa kes yang terpilih terhadap beberapa isu undang-undang yang relevan.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemerhatian dan analisis agak terhad kerana komitmen tugas pegawai sendiri di BPS</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan susulan bersama pegawai pendakwaan kes untuk briefing perjalanan</li> <li>Kes sebelum kes/bicara seterusnya bermula</li> </ul>	
7	Penstrukturan semula Bahagian Pendakwaan Syar'ie		✓		<p>Bahagian Pendakwaan Syar'ie menjadi sebuah Bahagian yang independen, sesuai dengan kehendak undang-undang</p>	<p>Bahagian Pendakwaan Syar'ie distruktur semula menjadi sebuah Bahagian yang tersendiri dan berasingan, tidak lagi dibawah kawalan jabatan terdahulu iaitu Unit Perundangan Islam</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <p>Persetujuan pihak atasan</p>	<p>Bahagian yang independent sesuai dengan kehendak undang-undang</p>
8	Pengiktirafan kepada Pegawai di Bahagian Pendakwaan Syar'ie		✓		<p>Memberikan pengiktirafan bagi pegawai-pegawai yang layak dan dorongan untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dan memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien secara berterusan.</p>	<p>Bahagian Pendakwaan Syar'ie telah menghadapkan borang sokongan bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurniaan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kehormatan bagi pegawai-pegawai daripada Bahagian Pendakwaan Syar'ie iaitu Bintang Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Darussalam Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) dan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB)</li> <li>Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali ke-24 tahun 2017</li> </ul>		<p>Penghargaan kepada pegawai yang layak &amp; bersesuaian</p>

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
9	Kursus Undang-Undang Jenayah Syariah Fasa II			✓	Meluaskan dan mengembangkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran undang-undang kepada para peserta kursus yang terdiri daripada pengamal, penguatkuasa dan penggubal undang-undang, sebagai persiapan padu ke arah pelaksanaan penuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013	Kursus Undang-Undang Syariah Fasa II merupakan kesinambungan dari kursus Undang-Undang Syariah Fasa I yang telah berjaya dilaksanakan pada penghujung tahun 2010 dan awal tahun 2011, Kursus ini disasarkan untuk membahas dan mengupas undang-undang baru dalam 2 modal dan dikendalikan oleh fasilitator Kursus Undang-Undang Jenayah Fasa I, iaitu: Yang Amat Arif Dato Dr Haji Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Malaysia: i) Modul I - Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 ii) Modul II - Perintah Kanun Peraturan Jenayah Syariah (Belum diwartakan)	<b>CABARAN</b> Tempoh kursus sedikit terhad  <b>TINDAKAN SUSULAN</b> • Kursus sambungan Modul I (PKHJS) • Kursus undang-undang Syariah Fasa II (Modul II) apabila perintah Kanun Peraturan Jenayah Syariah diperintahkan	
<b>PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH TEMBURONG</b>								
10	Penstrukturan baru Organisasi Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong		✓		Untuk meningkatkan keberkesanan organisasi dan perkhidmatan kepada pihak yang berkeperluan melalui proses kerja, sistem Manual dan Prosedur Kerja	Usaha ke arah penambahbaikan perjalanan dan aliran tugas agar lebih cepat, kemas dan penambahan produktiviti	<b>CABARAN</b> • Komitmen kakitangan • Kekurangan peralatan / Mesin  <b>TINDAKAN SUSULAN</b> • Membuat perjumpaan antara Unit/ Bahagian • Menyelesaikan permasalahan Kakitangan di setiap Unit/Bahagian	• Kecepatan Proses Kerja • Produktiviti Pegawai/Kakitangan
<b>JABATAN HAL EHWAL SYARIAH</b>								
11	Taklimat Penyelia Makanan Halal		✓		Objektif program ini adalah untuk memantapkan pengurusan dan penyediaan makanan halal di premis perniagaan telah diberikan sijil halal. Dengan taklimat ini nanti diharapkan peserta akan mengetahui lebih jelas akan peranan dan tugas sebagai Penyelia Makanan Halal serta keperluan memastikan kualiti makanan yang merangkumi prinsip makanan Halalan Toyyiban iaitu halal, bersih dan selamat semasa penyediaan produk makanan.  Antara matlamat program ini adalah supaya penyelia-penyelia makanan halal: 1) Memahami peranan dan tanggungjawab sebagai Penyelia Makanan Halal 2) Memastikan syarat dan kehendak sijil halal sentiasa dipatuhi 3) Memahami prinsip makanan halal 4) Mengamalkan prinsip Halalan Toyyiban dalam tugas seharian 5) Mengamalkan sikap dan nilai-nilai murni sebagai orang Islam 6) Berkeupayaan membuat pilihan yang bijak dalam penggunaan bahan ramuan 7) Memastikan tiada pencemaran / pencampuran bahan yang tidak halal dengan yang halal.	• Taklimat Penyelia Makanan Halal adalah satu aktiviti yang dicadangkan dalam pengurusan kualiti makanan halal sebagaimana yang disenaraikan dalam Rancangan Tahunan 2016 Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk meningkatkan daya kefahaman Penyelia Makanan Halal yang mempunyai Sijil tauliah Penyelia Makanan Halal bagi restoran ataupun kilang makanan yang bersijil halal dibawah perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005 mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab mereka sebagai penyelia makanan halal. • Taklimat ini telah mula dijalankan pada tahun 2015 yang mana penyampai taklimat terdiri daripada pegawai teknikal (perumahan dan saintifik) • Program taklimat berkenaan diteruskan bagi tahun 2016.	<b>CABARAN</b> Komitmen dari kelompok sasaran iaitu penyelia restoran gagal menghadirkan diri semasa taklimat diadakan disebabkan kekangan masa kerja  <b>TINDAKAN SUSULAN</b> Bahagian Kawalan Makanan Halal sedang membuat cadangan untuk mengadakan satu program khusus, iaitu program pengukuhan penyelia halal. Program khusus ini diberikan sebanyak 2 modul dan akan diberikan sijil setelah lulus menduduki ujian.	Melalui analisa kaji selidik yang telah dijalankan, purata sebanyak 88.75% responden menyatakan kesesuaian taklimat dan menepati tujuan objektif program

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>JABATAN PENGAJIAN ISLAM</b>								
12	Program pengkhususan penuntut sekolah menengah arab	✓			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini adalah salah satu usaha untuk memberi peningkatan diri setiap pelajar dalam pembelajaran malah ia juga mengutamakan tentang sahsiah diri dan pembentukan akhlak yang lebih baik.</li> <li>• Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan agar diri pelajar-pelajar lebih berkeyakinan dalam sesi pembelajaran dan mencungkil kelebihan dan kelemahan diri individu untuk maju dalam pelajaran serta memberi kesedaran kepada para pelajar tentang peranan dan tanggungjawab yang seharusnya dipikul oleh seorang pelajar.</li> <li>• Program ini juga memberi dan membina kesedaran diri mengenai sebuah kehidupan dan membina paradigma pelajar cemerlang dari segi pencapaian sahsiah dan akademik.</li> </ul>	Program pengkhususan penuntut merupakan satu program yang dirangka untuk para penuntut yang mempunyai keputusan akademik yang kurang memberangsangkan dalam pembelajaran dan peperiksaan. Program ini merupakan satu program kecemerlangan akademik yang terkandung dalam Rancangan Kerja Tahunan 2017 Unit Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam. Program motivasi ini amat berkesan dan dapat membantu memberikan suntikan semangat kepada pelajar agar lebih cemerlang dalam akademik.		
13	Pelaksanaan Penilaian Prestasi Guru (TPA)		✓		Matlamat BTS-TPA adalah untuk mengiktirafan amalan-amalan terbaik dan mengenalpasti bidang-bidang untuk menyokong pertumbuhan dan perkembangan profesional guru. Ia digunakan untuk menentukan kualiti keseluruhan pengajaran dan pembelajaran di sekolah di seluruh Negara Brunei Darussalam	Penilaian Prestasi Guru (TPA) merupakan sistem penilaian untuk menilai kecekapan pengajaran, kualiti pencapaian pelajar dan pembelajaran menggunakan rangka kerja Standard Guru (BTS) Brunei.	<p><b>CABARAN</b> Penggunaan TPA masih diperingkat pilot dan sedang dala proses penyesuaian penggunaan penilaian berdasarkan standard yang ditetapkan</p> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b> Nazir-nazir dan SMT diberikan banyak latihan, pemerhatian dan bimbingan bagi memahami kriteria dan ciri-ciri yang ditetapkan.</p>	Guru yang berke Layakan dan berkualiti tinggi